



KENYATAAN MEDIA

**FELCRA BERHAD MENCATAT LONJAKAN 155%
KEUNTUNGAN INTERIM 2/2021**

FELCRA agih keuntungan interim RM 131.5 juta kepada 68,930 Peserta

Kuala Lumpur, 6 Nov 2021 – FELCRA Berhad (“FELCRA”) hari ini mengumumkan keuntungan Interim 2/2021 berjumlah **RM 251,506,860** untuk projek-projek Penyatuan dan Pemulihan (P&P) FELCRA, bagi tempoh kewangan dari 1 Mei hingga 31 Ogos 2021.

Keuntungan yang dijanakan melonjak 155% atau RM 152,941,361 lebih tinggi berbanding dengan RM 98,565,49, iaitu keuntungan yang direkodkan dalam interim yang sama pada tahun 2020.

Daripada jumlah keuntungan tersebut, seramai 68,930 Peserta dari 719 projek yang mencatatkan keuntungan akan menerima Agihan Interim 2/2021 berjumlah RM 131,537,373 secara berperingkat bermula 6 November 2021 ini.

Merangkumi tempoh Mei hingga Ogos 2021, Agihan Bulanan berjumlah RM 17,082,379 telah dibayar, menjadikan jumlah besar bayaran Agihan Interim 2/2021 tercatat sebagai RM 148,619,752. Seperti tahun-tahun sebelum ini, baki Lebihan Keuntungan akan dibayar bersama Agihan Akhir tahun 2021 setelah penyelarasan akaun dan tabungan dibuat.

YB. Datuk Haji Ahmad Jazlan Yaakub, Pengerusi, FELCRA Berhad:

"Di FELCRA Berhad, kami komited dalam memastikan kesejahteraan Warga Peserta sentiasa menjadi keutamaan. Pandemik Covid-19 ini pastinya membawa pelbagai jenis kekangan kepada Para Peserta, dan demi mengurangkan impak negatif yang membebankan mereka, setiap Warga Kerja FELCRA Berhad terus bertungkus-lumus melaksanakan tanggungjawab dan mandat dengan gigih.

Pelbagai usaha dijalankan demi memacu pendapatan yang lebih baik bagi Projek Peserta, termasuk memperkenalkan beberapa kaedah mekanisasi untuk menangani kekangan tenaga kerja yang dialami oleh industri dan mempermudah proses pekerjaan tenaga sedia ada agar dapat mencapai tahap produktiviti tinggi.

Terima kasih saya atas kegigihan Warga Kerja FELCRA Berhad yang sedikit sebanyak menyumbang ke arah peningkatan keuntungan boleh agih bagi Interim 2 ini, dan juga buat komitmen Para Peserta yang terus menerus memberikan keyakinan dan kepercayaan mereka untuk FELCRA menguruskan tanah-tanah mereka.

Alhamdulillah, hasil dari kegigihan tersebut serta harga komoditi yang tinggi, FELCRA berjaya menjana keuntungan yang bertambah positif berbanding Interim 2/2020. Dari jumlah keuntungan yang dijanakan untuk tempoh Mei hingga Ogos 2021, FELCRA boleh mengagihkan sejumlah RM 148.7 juta kepada Peserta yang layak berbanding agihan RM 61.1 juta bagi tempoh yang sama pada tahun 2020. Jumlah ini merangkumi Agihan Interim 2/2021, serta Agihan Bulanan yang telah dibayar bagi tempoh Mei hingga Ogos 2021.

Kami di FELCRA Berhad berterima kasih atas sokongan padu YB Datuk Seri Mahdzir Khalid, Menteri Pembangunan Luar Bandar, yang sentiasa cakna dan prihatin akan nasib Para Peserta.

Pada masa yang sama, YB Menteri sentiasa sedia membantu mendorong Warga Kerja FELCRA dalam usaha transformasi dan pemulihan FELCRA agar dapat mencapai matlamat mandat sosial kami kepada Para Peserta, dan tanggungjawab komersil Syarikat kepada Para Pemegang Taruh iaitu untuk mencapai kelestarian.

Salah satu intipati Transformasi FELCRA adalah melahirkan Modal Insan yang pintar, bijak dan berpotensi untuk dibangunkan. Maka dengan itu, saya menyeru pihak Pengurusan Wilayah dan Kawasan untuk cakna dalam mencari anak-anak atau cucu-cucu Para Peserta yang berpotensi tinggi dalam pelajaran dan ingin mencapai tahap pendidikan lebih tinggi untuk dibawa kepada pengetahuan Pengurusan di Ibu Pejabat.

InshaaAllah, dengan usaha kebersamaan semua pihak baik Para Peserta dan Warga Kerja FELCRA Berhad, kita dapat lahirkan generasi FELCRA sebagai Pemimpin Masa Hadapan, dan bakal peneraju FELCRA Berhad sendiri, selaras dengan aspirasi Keluarga Malaysia.

Akhir kata, untuk hari-hari yang akan datang, apabila harga pasaran sawit tidak lagi sebegitu tinggi seperti sekarang, saya yakin setiap Warga Kerja FELCRA akan terus gigih mempertingkatkan lagi tahap produktiviti dalam setiap aspek, termasuk pembajaan berkala menggunakan produk terbaik keluaran FELCRA sendiri, demi memastikan pendapatan Para Peserta terus bertambah baik, walaupun bermakna keuntungan buat syarikat menurun. Tanpa Para Peserta, tiadalah FELCRA.

YBhg. Dato' Mat Roni Zakaria, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, FELCRA Berhad:-

"Syukur ke hadrat Illahi, usaha komited setiap lapisan Warga Kerja FELCRA ke arah meningkatkan pembaikan, pembedulan dan penjimatan proses dan kos operasi syarikat secara menyeluruh mula membuahkn reaksi proaktif ke arah menangani dugaan ekonomi yang diakibatkan oleh pandemik Covid-19.

Walaupun FELCRA mencatatkan keuntungan yang lebih baik bagi Interim 1 dan Interim 2 tahun 2021 ini berbanding 2020, kami terus tekad dalam memperbaiki lagi usaha-usaha kami di setiap ladang yang diuruskan oleh FELCRA, dari Perlis ke Sabah, terutamanya kadar produktiviti, tahap efisiensi dan kos operasi pengurusan ladang Para Peserta.

Kenaikan harga komoditi di pasaran dunia yang disebabkan kekurangan bekalan minyak sawit mentah dan impak Covid-19 turut melahirkan peluang untuk anak-anak tempatan yang ingin 'berhijrah' ke sektor perladangan, terutamanya Generasi Kedua FELCRA yang ingin berbakti ke tanah meneruskan legasi ibubapa mereka.

FELCRA terus komited dalam menyediakan sehingga 2,500 peluang pekerjaan sebagai Operator Penuaian di seluruh Negara untuk memenuhi keperluan penuaian dan pengurusan pokok, dengan menawarkan pulangan yang lumayan serta pelbagai insentif bagi mereka yang berminat. Untuk memudahkan kerja dan meringankan beban kepada Warga Kerja Perladangan FELCRA, beberapa kaedah mekanisasi telah diperkenalkan dalam proses pengurusan ladang.

Harga komoditi yang kini tinggi tidak akan selama-lamanya begitu, dan untuk menangani potensi penurunan keuntungan per ton metrik di masa hadapan, kami perlu pertingkatkan lagi kadar pengestrakan minyak sawit dan pengeluaran produk sampingan sawit yang berkualiti tinggi dan sesuai permintaan pasaran.

InshaaAllah, diharapkan agar Agihan Interim 2/2021 dan Agihan Bulanan bagi tempoh Mei hingga Ogos 2021 ini dapat memberikan kelegaan ekonomi kepada Para Peserta yang layak. Semoga usaha transformasi FELCRA turut membantu dalam memacu peningkatan sosioekonomi di luar bandar, dalam usaha Negara membandarkan luar bandar.

-Tamat –

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Unit Brand dan Komunikasi
FELCRA Berhad
PER: **En. Aditya Adri Saleh Ab Rahim**
Pengurus Besar Brand dan Komunikasi
adit@felcra.com.my
+6013 – 666 6667

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Luar Bandar
PER: **Pn. Norainis Mohd Noor**
Ketua Komunikasi Korporat
norainis@rurallink.gov.my
+603 8891 5944

Mengenai FELCRA Berhad

FELCRA Berhad merupakan sebuah Syarikat Korporat milik Menteri Kewangan (Diperbadankan), dan dibawah penyeliaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

FELCRA asalnya telah ditubuhkan pada tahun 1966 sebagai badan berkanun, dan dikenali sebagai Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah atau Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (FELCRA). FELCRA dipertanggungjawab untuk memajukan kawasan luar bandar dengan membuka peluang kepada masyarakat luar bandar menyertai aktiviti ekonomi bagi menjana pendapatan.

Pada tahun 1997, FELCRA telah dikorporatkan dan bertukar status daripada badan berkanun kepada sebuah entiti Syarikat Korporat milik penuh Kerajaan.

Kini, FELCRA Berhad menelusuri beberapa bidang perniagaan secara proaktif seperti perladangan, pembajaan, hartanah dan pembinaan, pendidikan dan penghasilan makanan termasuk ternakan tenusu.

Visi FELCRA Berhad adalah untuk menjadi Organisasi Perusahaan Sosial Termantap (Social Enterprise Powerhouse) dalam sektor pertanian dan makanan demi mencapai misinya, iaitu untuk menjaga kepentingan ekonomi dan sosial Para Pesertanya serta mengaplikasi agri-teknologi dalam mempelopori agenda Dasar Jaminan Makanan Negara.

Terkini, FELCRA Berhad telah memajukan seluas 220,086 hektar ladang bagi pihak 112,479 orang Peserta merangkumi 1,420 Projek Penyatuan dan Pemulihan, serta 33,145 hektar estet milik syarikat FELCRA Berhad.